



UiTM@Media **2016**

Gemilang Alumni



UiTM@Media
2016



Nur Ayuni Safira gemar melancong untuk mencari idea segar.

‘Jual idea terbaik’

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@
bh.com.my

► Kuala Lumpur

Peluang keemasan menjalani latihan industri di syarikat periklanan antarabangsa, Young & Rubicam sewaktu zaman pengajian, ternyata membuka mata Nur Ayuni Safira Safiee, 32, terhadap selok-belok bidang kreatif itu.

Ketika itu, beliau diberi pendedahan melakukan tugas sebenar, bahkan hasil kerjanya pernah dihantar menyertai saingan Anugerah Kancil.

“Dalam tempoh sama, saya juga memperoleh Anugerah Merit untuk kerja kreatif dikemukakan

atas bimbingan Pengarah Kreatif Young & Rubicam, Edward Ong,” katanya.

Pengalaman berkenaan merupakan antara bekal utama graduan Ijazah Sarjana Komunikasi Massa (Periklanan), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam itu dalam menerokai dunia periklanan sejak sembilan tahun lalu.

Nur Ayuni Safira yang kini memegang jawatan sebagai Penulis Iklan Kanan di agensi periklanan terkemuka, Leo Burnett, mengaku gemar melancong sambil menyaksikan pelbagai gelagat manusia dan menyelami kehidupan harian penduduk setempat, untuk mencari ilham.

Beliau berkata, ini

kerana cabaran utama kerjaya periklanan ialah menampilkan idea segar dan bermutu, bukan sekadar menghiburkan atau slapstick, manakala mesej disampaikan perlu memberi makna kepada penonton.

“Menjual idea terbaik kepada pelanggan ialah antara cabaran terbesar. Walaupun suatu idea itu menarik, banyak faktor lain yang akan diambil kira sebelum mendapat kelulusan. Dalam proses pembikinan iklan, idea boleh berubah kepada bentuk lain dan mungkin bukan seperti dibayangkan pada awalnya.

“Penulis iklan juga

BERSAMBUNG
DI SEBELAH



Berkecimpung dalam dunia periklanan sejak sembilan tahun lalu.

bermuka tebal ketika melakukan pembentangan kerana adakala perlu berlakon, menyanyi ataupun berdialog dalam proses meyakinkan pelanggan mengenai idea dikemukakan,” katanya.

Beri inspirasi

Mengimbau kenangan zaman kampus pula, anak sulung kepada pasangan Safiee Mohd Yusoff dan Ramlah Abdul Jalil itu menyifatkan universiti sebagai tempat

beliau benar-benar belajar berdikari.

Biarpun pernah menimba ilmu di sekolah berasrama penuh, beliau berkata, kehidupan di universiti adalah titik tolak kematangan berikutan ibu bapa hanya mampu berdoa dari kejauhan dan terpulang kepada diri untuk memburu kejayaan atau bersikap leka.

“Pengalaman paling manis di universiti ialah meraih Anugerah Naib Canselor sebagai graduan

Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa (Kepujian) Periklanan serta kejayaan menamatkan pengajian peringkat ijazah sarjana walaupun bekerja dan sudah berkeluarga dengan anak kecil.

“Mengimbangi semua itu memang agak sukar tetapi alhamdulillah, saya berjaya dan ini memberi inspirasi kepada empat adik untuk melanjutkan pelajaran hingga peringkat tertinggi,”w katanya.

info

Nur Ayuni Safira Safiee

→ **Tarikh lahir:** 14

Disember 1983

→ **Tempat lahir:**

Negeri Sembilan

→ **Hobi:** Melancong, membaca buku dan menonton filem

→ **Kelulusan:**

• **Diploma** Komunikasi dan Pengajian Media

• **Ijazah Sarjana Muda** Komunikasi Massa (Kepujian) Periklanan

• **Ijazah Sarjana** Komunikasi Massa

→ **Antara pencapaian di universiti:**

• **Anugerah Naib Canselor**

• **Membentangkan** kajian dan jurnal dalam talian, Procedia Computer Science Volume 72, menerusi Persidangan Antarabangsa Sistem Maklumat (ISICO)

→ **Pencapaian dalam perkhidmatan:**

Berpengalaman luas dalam kempen periklanan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan pelbagai produk seperti kecantikan, kosmetik, susu rumusan untuk kanak-kanak dan penjagaan diri wanita.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

